

PAS: Masih ada kawasan lain mahu Hasan Ali
MalaysiaKini.com
Disember 20,2011
Nigel Aw

Masih ada sinar harapan untuk pemimpin kontroversi PAS Datuk Dr Hasan Ali dalam masa depan politiknya, kata Timbalan Pesuruhjaya PAS Selangor Khalid Samad.

generation 709 220711 khalid samadKatanya, pihaknya faham kemungkinan Dr Hasan kecewa kerana tidak mencapai pencalonan cukup untuk dipilih semula sebagai calon Gombak Setia, tetapi perkara itu tidak harus merosakkan dirinya.

Bercakap dalam sidang media di Shah Alam hari ini, Khalid berkata, PAS Selangor kini cuba menyelamatkan, bukan menghentamnya.

Menurutnya, parti sentiasa mengiktiraf sumbangan Dr Hasan sebagai anggota kanan dan masih ada anggota akar umbi PAS yang masih bersedia mencalonkannya di kawasan lain.

Copyright © 1999-2011 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/184588>